

Penggunaan Buah-Buahan dan Daun-Daunan sebagai Bahan Pencuci Alamiah dalam Perubatan Tradisional Melayu

Usage of Fruits and Leaves as Natural Cleanser in Malay Traditional Medicine

MOHD ZUL AMIRUL IZWAN MAT DERASEH, MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH, MOHD YUSZAIDY
MOHD YUSOFF, WAN NASYRUDIN BIN WAN ABDULLAH & MOHAMED QUSAIRY BIN TAHA

ABSTRAK

Masyarakat Melayu tradisional menggunakan buah-buahan dan daun-daunan sebagai bahan makanan dan perubatan. Dalam perspektif perubatan tradisional Melayu, bahan-bahan alamiah ini digunakan sebagai terapi, detoks dan pemulihan tubuh pesakit dari dua kategori penyakit iaitu penyakit fizikal dan spiritual. Namun generasi hari ini kurang mengetahui mengenai fungsi bahan-bahan alamiah ini khasnya dari perspektif pengubatan tradisional Melayu. Oleh itu kajian dilakukan dengan tujuan menjelaskan fungsi dan kegunaan buah-buahan dan daun-daunan tempatan dalam dunia pengubatan tradisional Melayu. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif menggunakan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan. Data perpustakaan membentuk latar belakang kajian dari kajian-kajian lepas berkaitan. Data kajian lapangan diperoleh melalui kaedah temu bual berfokus, pemerhatian dan penglibatan sendiri sebagai perawat. Data kajian ditransliterasi, disaring dan diinterpretasi sesuai teknik bacaan rapi dan analisis kandungan. Konsep perubatan Melayu berasaskan penggunaan herba diaplikasi sepenuhnya dalam analisis di samping tiga elemen pengubatan Melayu yang lain seperti urut, bekam dan jampi jika berkenaan. Hasil kajian menjelaskan dari dua kategori bahan pencuci alamiah; daun-daunan dan buah-buahan tempatan boleh dibahagikan kepada dua fungsi utama iaitu fungsi utama membersihkan dari penyakit fizikal (lahiriah) seperti kayap, gatal-gatal, lapar garam dan busung dan fungsi kedua pula membersihkan dari kotoran spiritual (batiniah) seperti kerasukan oleh pengaruh jin atau sihir. Kaedah penggunaan bahan-bahan ini adalah berdasarkan penyakit yang dialami seperti digunakan dengan cara dibuat makan, minum, mandi dan juga disapu pada tempat yang sakit.

Kata kunci: Buah;bersih; daun; Melayu; perubatan tradisi

ABSTRACT

Traditional Malay society uses fruits and leaves as food and medicine. From the perspective of traditional Malay medicine, these natural ingredients are used as therapy, detox and recovery of the patient's body from two categories of diseases: physical and spiritual. However, today's generation does not know much about the function of these natural ingredients, especially from the perspective of traditional Malay medicine. Therefore, the study aimed to explain the function and use of local fruits and leaves in the world of traditional Malay medicine. This study is qualitative, using library and field research methods. Library data forms the background of the study from previous related studies. Field research data was obtained through focused interviews, observation and self-involvement as a nurse. The study data was transliterated, screened and interpreted according to close reading and content analysis. The concept of Malay medicine based on herbs is fully applied in the analysis in addition to the other three elements of Malay healing, such as massage, cupping and spells where applicable. The study results explain two categories of natural detergents: local leaves and fruits can be divided into two main functions. The primary function is to clean from physical (external) diseases such as shingles, itching, salt hunger and boils. The second function is to clean from spiritual (internal) impurities such as being possessed by influences, jinn or magic. The way these ingredients are used is based on the disease experienced, such as being used by eating, drinking, bathing, and being applied to the sick place.

Fruit; Clean; cleansing; leaves; Malay; traditional medicine

Pengenalan

Perubatan tradisional Melayu merupakan ilmu perubatan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu yang memiliki ilmu pengetahuan yang pelbagai dalam memberikan rawatan, mengubati, menyembuhkan sakit demam dan menggunakan ramuan dari tumbuhan semula jadi dalam amalan pengubatan mereka (Mohd Koharuddin 2003). Perubatan Melayu tradisional juga adalah himpunan pelbagai amalan atau kaedah yang digunakan dalam rawatan untuk menyembuhkan penyakit melalui mistik atau magik, melalui doa dan juga rawatan herba (Ellya 2014). Faisal@ Ahmad Faisal & Nurul Wahidah (2012) menyatakan bahawa keseluruhan sistem perubatan Melayu itu adalah didasari atau ditunjangi oleh kefahaman bahawa setiap keuzuran penyakit berkaitan sebab musababnya serta sudah tentu ada ubat dan penawarnya. Justeru itu, perlu difahami bahawa perubatan tradisional Melayu bukan sahaja mementingkan aspek jasmani semata-mata, ia juga menekankan kesihatan dari aspek rohani, perasaan dan aspek kesihatan emosi dan fikiran seseorang manusia (Nornizam 2018). Begitu juga menurut Abdullah (2015) secara asasnya penyakit yang di alami oleh seseorang di lihat pada dua keadaan iaitu penyakit rohani dan penyakit fizikal.

Keadaan tubuh rohani dan tubuh jasmani sangat berkait rapat walaupun berbeza antara satu sama lain. Perkaitannya dapat dijelaskan kerana jasmani seseorang adalah tempat berada rohaninya. Jika salah satunya sakit maka kesannya dapat dilihat pada kedua-duanya. Sebagai contoh jika keadaan rohani seseorang mengalami gangguan emosi seperti putus harapan, dendam, benci, marah, hilang keyakinan diri dan lain-lain, maka bahagian jasmaninya turut akan terkesan seperti wajahnya menjadi panas dan merah kerana marah, kulit menjadi berpeluh dan pucat kerana takut, badan menjadi lesu dan tidak bermaya kerana putus asa dan sebagainya. Begitu juga apabila seseorang mengalami kesakitan seperti demam, pening, gastrik, sakit jantung, kencing manis dan sebagainya, maka bahagian rohani akan turut terkesan, seperti hilang semangat, kurang fokus, hilang ketenangan, rasa tidak berguna, tidak boleh berfikir dengan baik dan lain-lain.

Dalam kaedah perubatan tradisional Melayu, penggunaan bahan-bahan tertentu termasuk bahan semula jadi telah menjadi dasar utama dalam proses rawatan terhadap sesuatu penyakit. Perubatan Melayu sudah terkenal sejak berkurun

lamanya dalam penggunaan herba dan bahan dari alam semula jadi yang berada disekeliling sebagai sebahagian dari kaedah merawat penyakit.

Orang Melayu memperakui bahawa Perubatan Melayu merupakan amalan pengubatan yang memiliki keistimewaan dan kesannya yang tersendiri. Hal ini kerana perubatan Melayu menjadikan alam semula jadi sebagai asas dalam pengubatan dan ianya mudah diperolehi dan mudah dipraktikkan serta masyarakat Melayu arif dengan bahan alam semulajadi (Fatimah & Yusmaliza 2019). Pengamal perubatan tradisional Melayu menjadikan sumber alam yang didapati dari kawasan sekeliling sebagai dasar seperti menggunakan tumbuh-tumbuhan dan akar-akar kayu. Pada dasarnya bahan-bahan ini digunakan dalam perubatan tradisional Melayu untuk menjaga keseimbangan jasmani dan rohani dalam diri. Bahan semula jadi ini juga secara dasarnya digunakan untuk memelihara kesihatan diri melalui kaedah penjagaan kebersihan diri dengan menjadikan bahan semula jadi seperti daun bidara, daun sirih, daun pandan dan kunyit sebagai agen pembersih.

Walau bagaimanapun penggunaan buah-buahan dan daun-daunan dalam perubatan tradisional Melayu sudah tidak diketahui oleh generasi sekarang dan sering disalah erti iaitu hanya difahami sebagai bahan-bahan ritual berunsur magis atau memiliki semangat tertentu atau menjadi perantara yang dapat menghalau roh jahat atau menghalang gangguan jin. Misalnya mereka percaya bahawa limau, daun bidara dan daun pandan yang digunakan dalam kaedah mandian adalah untuk menghalau jin dari tubuh badan kerana jin takut terhadap bahan-bahan tersebut. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menjelaskan penggunaan dan fungsi sebenar buah-buahan dan daun-daunan dalam dunia pengubatan tradisional Melayu dan disamping membetulkan salah anggap masyarakat Melayu era moden tentang fungsi hakiki penggunaan buah-buahan dan daun-daunan ini dalam persepektif perubatan tradisional Melayu.

KONSEP PERUBATAN MELAYU

Harun Mat Piah (2015) menjelaskan bahawa istilah perubatan tradisional perlu difahami dengan maksud konsep dan amalannya berbeza dengan perubatan moden, perubatan alternatif, perubatan Islam, perubatan kesufian, perubatan homeopati, perubatan etnik dan mempunyai pendekatan

menyeluruh untuk merawat penyakit, kaedah membuat ramuan ubatan, dan amalan pantang larang. Perubatan Melayu juga berkonsepkan pada sistem perubatan bertujuan memelihara kesihatan individu secara holistik merangkumi penjagaan kesihatan dari penyakit fizikal dan penyakit rohani (Nornizam, 2018).

Konsep perubatan Melayu pada dasarnya terdiri daripada empat jenis iaitu bekam, jampi, urut dan herba. Konsep herba yang dipakai ialah rangkuman semua bahagian dalam tumbuh-tumbuhan yang terdiri daripada akar, batang, daun, pucuk, buah, kulit, putik, bunga dan isi daripada tumbuhan tersebut digunakan dalam ramuan masakan atau tujuan rawatan (Siti Fatimah & Yusmilayati, 2019). Konsep herba dipakai dalam analisis kajian ini ialah dengan mengambil kira fungsinya sebagai detoks, terapi dan pemulihan secara fizikal dan spiritual.

Masyarakat Melayu percaya bahawa buah-buahan ciptaan Tuhan memiliki khasiat perubatan yang tinggi di samping sebagai sumber makanan. Antara yang paling biasa digunakan dalam rawatan seperti buah limau purut dalam merawat beberapa jenis penyakit (Jacqlyn Patricia & Salmah Jan 2021).

Konsep perubatan Melayu juga seiring dengan konsep kearifan tempatan. Orang Melayu sekian lama mewarisi kaedah kemahiran perubatan tradisional Melayu dari nenek moyang mereka dengan memanfaatkan sumber alam untuk mengubati penyakit (A.Samad Ahmad 1998). Dan menurut Nassir dan Kok On (2016) perubatan tradisional Melayu menggunakan sumber alam sebagai ubat-ubatan telah lama wujud dalam kalangan masyarakat Melayu dan diteruskan sehingga hari ini dan sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman. Bahkan perawat-perawat tradisional Melayu dilabel sebagai orang yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing seperti bidan mempunyai kepakaran dalam bidang menyambut kelahiran bayi dan menyediakan ramuan bagi wanita yang berpantang. Ini juga bukti kepandaian orang Melayu dalam perubatan tradisional Melayu (Yusmilayati, Yuszaidy, Muammar & Norizam 2016).

KAJIAN LEPAS

Kajian mengenai ilmu perubatan tradisional Melayu telah banyak dilakukan dan kajian-kajian tersebut

memberikan banyak manfaat kepada pelbagai golongan terutama kepada pengamal perubatan tradisional Melayu dan juga masyarakat awam yang mengambilnya sebagai petua. Misalnya kajian yang dilakukan oleh A.Samad Ahmad (1988) yang diberi judul 'Warisan Perubatan Melayu' yang telah menghimpunkan gabungan pelbagai jenis ilmu perubatan Melayu yang diamalkan oleh masyarakat Melayu seperti amalan pantang larang, rawatan terhadap pelbagai penyakit, sukatan bahan yang digunakan, faktor masa dan juga ciri-ciri untuk menjadi pengamal perubatan. Hasil kajian ini telah menarik perhatian dan minat ramai pengkaji dalam dan luar negara untuk mendalami serta mengkaji ilmu perubatan Melayu. Dalam tulisannya juga turut menjelaskan berkenaan falsafah perubatan Melayu dan memberikan perincian tentang pelbagai kaedah rawatan yang digunakan dalam alam Melayu seperti kaedah mandian, penggunaan herba, penjagaan bayi dan perubatan selepas bersalin. Selain itu, amalan dan kepercayaan orang Melayu yang beragama Islam, menjadikan keyakinan kepada Sang Pencipta yakni Allah SWT dalam memberikan kesembuhan juga sangat tinggi.

Seterusnya, Jacqlyn Patricia Jelani dan Salmah Jan Noor Muhammad (2019) turut melakukan kajian berkenaan penggunaan bahan semula jadi dalam ilmu perubatan Melayu dengan menumpukan kepada rizom. Selain itu, Wan Husni Wan Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, Aminudin Hehsan, Zulkiflee Haron, Arieff Salleh Rosman dan Mohd Nasir Ripin (2019), Syahida Maarof (2019), dan Siti Fatimah Abd Aziz dan Yusmilayati Yunos (2019), telah memfokuskan kajian terhadap wanita selepas bersalin, mandi bunga, pengambilan buah-buahan dan daun-daunan dalam kehidupan seharian secara saintifik dan penggunaan rizom serta herba dalam perubatan Melayu.

Kajian yang dilakukan oleh Aishah@Eshah Haji Mohamed dan Abd.Aziz Haji Bidin (2011) berkenaan wanita Melayu menggunakan tumbuhan sebagai bahan ubatan menyatakan bahawa terdapat tumbuhan semula jadi yang digunakan oleh wanita Melayu semasa berpantang bagi tujuan pembersihan fizikal dan digunakan juga bagi tujuan pencucian spiritual agar terhindar dari gangguan makhluk ghaib semasa dalam pantang. Aishah@Eshah Haji Mohamed & Abd Aziz Haji Bidin (2012) juga melakukan kajian berkenaan penggunaan tumbuhan dalam upacara Main Teri di Kelantan.

Kajian Wan Husni Wan Abdullah (2019), mereka menyentuh tentang orang Melayu

melakukan mandian bunga sebagai salah satu terapi untuk menjaga kesihatan mental mereka. Dalam kajian tersebut mereka menyatakan juga bahawa terapi mandi bunga boleh membantu seseorang yang mengalami masalah spiritual memberi kesan positif pada kesihatan jiwa dan emosi.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang telah dikaji oleh ramai pengkaji sedia ada ini, penulisan ini tampil berbeza dari kajian-kajian tersebut. Hal ini adalah kerana kajian ini akan menumpukan secara khusus kepada buah-buahan dan daun-daunan yang digunakan sebagai bahan pencuci alamiah oleh pengamal perubatan tradisional Melayu sehingga sekarang dengan menjelaskan fungsinya dalam merawat penyakit fizikal dan spiritual. Hal ini adalah kerana kajian-kajian terdahulu tentang penggunaan buah-buahan dan daun-daunan dalam perubatan tradisional Melayu tidak dijelaskan fungsinya secara terperinci sepertimana yang lazimnya dimaksudkan oleh para pengamal perubatan tradisional Melayu iaitu ia digunakan sebagai bahan pencuci alamiah dalam menyembuhkan atau melawan penyakit atau membersihkan asbab yang mengekalkannya pada seseorang.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif deskriptif menggunakan kaedah perpustakaan dan kajian lapangan. Data perpustakaan membentuk latar belakang kajian dari kajian-kajian lepas berkaitan. Data kajian lapangan diperoleh melalui kaedah temu bual berfokus, pemerhatian dan penglibatan sendiri sebagai perawat. Penulis juga merupakan seorang pengamal perubatan tradisional Melayu yang mempunyai pengalaman selama sebelas tahun dalam bidang ini.

Teknik temu bual berfokus dilaksanakan ke atas 5 orang responden yang terdiri daripada

pengamal perubatan Melayu yang mempunyai pengalaman lebih sepuluh tahun. Mereka terdiri dari pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Gabungan Perawat Muslim Malaysia (GPMM). Mereka adalah Shamsuri bin Shafie yang mempunyai pusat rawatan di Machang, Kelantan, Tajul Arifin Bin Mohamad Kamim yang berpusat di Klang, Selangor, Azlan bin Azman yang berpusat di Shah Alam, Selangor, Noor Azwani Binti Ahmad yang berpusat di Ipoh, Perak dan Che Hasnah Bte Che Adam yang berpusat di Subang, Selangor. Mereka juga dipilih kerana dilihat menggunakan buah-buahan dan daun-daunan sebagai ramuan ubatan dan merawat pesakit. Pemerhatian juga dilakukan terhadap kaedah yang mereka gunakan dalam merawat pesakit mereka menggunakan bahan semula jadi ini. Mereka juga telah merawat lebih dari seribu pesakit sepanjang mereka menjadi pengamal perubatan tradisional Melayu.

Data kajian ditransliterasi, disaring dan diinterpretasi sesuai teknik bacaan rapi dan analisis kandungan menggunakan konsep Perubatan Melayu seperti yang telah dijelaskan.

PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Kajian ini menemukan para perawat perubatan tradisional Melayu menggunakan dua belas (12) buah-buahan dan daun-daunan sebagai bahan pencuci alamiah dalam amalan perubatan mereka dalam merawat pesakit. Hasil temu bual ke atas lima (5) informan mendapati bahan-bahan tersebut digunakan sebagai bahan pencuci dalam kaedah perubatan mereka sama ada merawat penyakit fizikal mahupun merawat penyakit spiritual. Jadual 1 di bawah merupakan hasil temu bual berfokus dan pemerhatian serta penglibatan sendiri dan huraian di bahagian perbincangan yang dilakukan ke atas lima orang pengamal perubatan tradisional Melayu terpilih.

JADUAL 1. Hasil Temu bual Berfokus

Informan	Buah-buahan dan Daun-daunan yang digunakan	Fungsi dalam rawatan
Pengamal perubatan tradisional Melayu 1 (Shamsuri bin Shafie)	Daun Bidara Daun Gelenggang Daun Durian Belanda Limau Purut Limau Nipis	1. Daun bidara, limau purut dan limau nipis digunakan untuk membersihkan dan membuang kotoran dalam badan pesakit akibat dari sihir atau santau. Kotoran tersebut adalah seperti lendir kotor, nanah, bahan-bahan sihir berupa makanan kotor yang bercampur dengan rambut, kaca dan kuku.

		<p>2. Daun gelenggang digunakan untuk membersihkan kotoran di dalam perut pesakit yang terkena sihir melalui bahan makanan seperti darah hitam yang kotor, rambut dan kuku.</p> <p>3. Daun durian belanda digunakan untuk merawat pesakit yang mengalami sakit kulit kerana ianya berfungsi untuk membersihkan bakteria dan parasit atau membunuh kuman yang ada pada kulit pesakit.</p> <p>4. Daun Bidara digunakan juga untuk membersihkan kotoran rohani pesakit seperti menghilangkan tekanan perasaan dan kegelisahan serta kesan dari sihir.</p>
<p>Pengamal perubatan tradisonal Melayu 2 (Tajul Arifin Bin Mohamad Kamin)</p>	<p>Daun Bidara Limau Nipis Limau Purut Lada Hitam</p>	<p>1. Daun bidara, limau nipis dan limau purut digunakan untuk membersihkan dan membuang kotoran dalam badan pesakit yang berpunca dari gangguan sihir atau saka seperti darah kotor dan bahan-bahan sihir yang kotor seperti tulang, rambut dan kuku.</p> <p>2. Limau purut dan lada hitam digunakan untuk membersihkan kekotoran pada pesakit yang mengalami masalah kulit di kepala seperti kudis di kepala. Lada hitam juga digunakan untuk membersihkan masalah kencing kotor.</p>
<p>Pengamal perubatan tradisonal Melayu 3 (Azlan bin Azman)</p>	<p>Daun Bidara Limau Purut Limau Nipis Daun Sirih Kunyit Daun Nangka</p>	<p>1. Daun sirih digunakan untuk merawat pesakit yang mengalami masalah mulut berbau. Ia juga digunakan sebagai agen pembersih untuk menghilangkan bau badan dan membersihkan bakteria serta kuman pada kulit. Daun sirih juga digunakan untuk membersihkan kotoran rohani pesakit seperti menghilangkan kegelisahan dan perasaan ws-was.</p> <p>2. Daun nangka digunakan untuk membersihkan kotoran dari badan pesakit yang terkena santau seperti darah hitam, kuku, rambut dan tulang serta kadang-kadang jarum dan paku berkarat. Daun nangka juga digunakan sebagai agen pembersih kuman dan bakteria pada kulit seperti digunakan untuk membersihkan luka pada kulit.</p> <p>3. Kunyit digunakan untuk membersihkan kotoran kuman dan bakteria pada kulit pesakit yang mengalami masalah bisul, gatal, kayap, penyakit kulit, jangkitan kulat dan ulser mulut. Kunyit juga digunakan sebagai agen pembersih kotoran pada bagi wanita lepas bersalin seperti daki dan peluh serta darah kotor.</p> <p>4. Garam digunakan sebagai agen pembersih kuman, parasit dan bakteria bagi merawat pesakit yang mengalami masalah kulit gatal. Garam juga digunakan untuk membersihkan kotoran seperti toksik dan racun dalam perut pesakit serta digunakan sebagai detoks dan antiseptik.</p>

Informan	Bahan-bahan cuci tradisi yang digunakan	Fungsi Kebersihan dalam rawatan
Pengamal perubatan tradisional Melayu 4 (Noor Azwani Binti Ahmad)	Lada Hitam Limau Purut Limau Nipis Daun Pandan Daun Bidara	<p>5. Daun bidara, limau purut dan limau nipis digunakan untuk membersihkan kotoran pada badan pesakit akibat dari gangguan saka atau sihir seperti mengeluarkan bahan sihir seperti rambut, kuku, tulang, kaca, miang buluh, nanah dan darah kotor dari badan pesakit. Ia juga digunakan untuk merawat rohani pesakit seperti menghilangkan kegelisahan, perasaan marah dan sedih.</p> <p>1. Lada hitam, limau purut, limau nipis dan daun pandan digunakan untuk membersihkan rohani pesakit seperti menghilangkan kegelisahan. Ia juga digunakan sebagai agen pembersih untuk merawat penyakit kulit sama ada akibat gangguan sihir atau hanya sakit fizikal seperti membersihkan kuman dan kotoran pada kulit.</p> <p>2. Daun bidara digunakan untuk membersihkan kotoran dalam badan pesakit yang terkena sihir seperti darah hitam, nanah dan bahan-bahan sihir ddalam badan. Ia juga digunakan untuk membersihkan rohani pesakit seperti menghilangkan kesedihan, ketakutan, perasaan lemah dan kegelisahan.</p>
Pengamal perubatan tradisional Melayu 5 (Che Hasnah Bte Che Adam)	Limau Nipis Daun Bidara Serai	<p>1. Limau nipis, dan daun bidara digunakan untuk membersihkan rohani pesakit seperti menghilangkan kegelisahan dan tekanan perasaan. Ia juga digunakan untuk membersihkan kotoran dalam dan luar badan akibat dari gangguan saka dan sihir seperti racun, kuman, bakteria dan juga bahan sihir seperti darah kotor, rambut dan kuku.</p> <p>2. Serai digunakan untuk membersihkan kotoran orang wanita semasa berpantang seperti daki dan darah kotor dan juga berfungsi membersihkan rohani mereka seperti menghilangkan tekanan perasaan dan kegelisahan.</p>

Berikut dijelaskan setiap buah-buahan dan daun-daunan yang digunakan sebagai bahan pencuci alamiah oleh para perawat perubatan tradisional Melayu yang terdapat dalam Jadual 1 di atas. Bahan-bahan pencuci alamiah ini disusun dengan mendahulukan daun-daunan, buah, ubi dan akhirnya garam :

DAUN BIDARA

Bidara atau dikenali dengan nama botaninya *ziziphus Mauritiana Lamarck* adalah sejenis pohon kecil yang dapat menghasilkan buah yang banyak tumbuh di kawasan tandus. Nama tempatan bagi Bidara ialah *bidara*, *epal siam* dan *jujub* dikenali di Malaysia, *manzanitas* dikenali di Filipina, *zee-pen* dikenali di Burma, *putrea* dikenali di Kemboja, *than* dikenali di Laos, *phutsaa*, *ma tan* dikenali di

Thailand, dan *tao, tao nhuc* dikenali di Vietnam. Orang Inggeris memanggilnya sebagai *Jujube*, *Indian Jujube*, *Indian plum*, *Chinese apple* dan *Jujubier* dipanggil namanya oleh orang Perancis (T.K lim,2013).

Masyarakat Melayu amat mengenali pokok bidara kerana ianya antara pokok yang disebut di dalam Al-Quran dan juga hadis. Antaranya dalam ayat Al-Quran bermaksud ;

“ Mereka bersenang-lenang di antara pohon-pohon bidara yang tidak berduri”.

(Surah al-Saba’ : 36)

Ini juga kerana orang Melayu menggunakan daun bidara untuk memandikan jenazah berpandukan pada hadis yang diriwayatkan dari Ummu ‘Atiyyah r.a katanya,

“Nabi s.a.w pernah menemui kami sedangkan kami ketika itu sedang memandikan puterinya, lalu Nabi s.a.w bersabda, “Mandikanlah dia tiga, lima, atau tujuh kali, atau lebih dari itu. Jika kalian perlu, maka gunakan air dan daun bidara.”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Oleh itu masyarakat Melayu tidak asing lagi dengan pokok bidara kerana ia sering digunakan apabila berlaku kematian dan juga digunakan dalam amalan perubatan mereka.

Berdasarkan Jadual 1 di atas kesemua informan menggunakan daun bidara untuk membersihkan kotoran dalam badan pesakit yang berpunca dari gangguan saka dan sihir atau santau. Mereka juga menggunakan daun bidara untuk membersihkan rohani pesakit. Secara spesifik daun bidara membersihkan kotoran seperti lendir kotor, nanah, bahan-bahan sihir berupa makanan kotor yang bercampur dengan rambut dan kuku, miang buluh dan juga digunakan untuk membersihkan kekotoran rohani seperti tekanan perasaan, kegelisahan, kesedihan dan ketakutan.



RAJAH 1. Daun Bidara

Sumber: hot.liputan6.com

DAUN PANDAN

Pandan dengan nama botaninya *Pandanus amaryllifolius*. Nama tempatan di Malaysia ialah Pandan Wangi atau Pandan Rampai. Ia juga dikenali sebagai Pandan Musang di Indonesia. Pandan Wangi digunakan sebagai khasiat ubatan dalam merawat badan banyak angin, gout, stress, jangkitan kuman, pencernaan bermasalah, tekanan darah tinggi, kejang urat, reumatik, rambut bermasalah, senggal dan kulit kasar. (*Ensiklopedia Tumbuhan*

Ubatan Malaysia, Cetakan 2013). Orang Melayu yang kaya dengan pelbagai resepi masakan sentiasa menggunakan daun pandan sebagai bahan tambahan dalam masakan mereka kerana aromanya yang wangi seperti ianya digunakan dalam memasak nasi lemak.

Menurut pengamal perubatan Melayu 4 beliau menggunakan daun pandan sebagai agen pembersih untuk merawat penyakit kulit sama ada akibat dari gangguan sihir atau hanya sakit fizikal. Ia juga digunakan untuk membersihkan rohani pesakit terutama dalam menghilangkan tekanan perasaan dan juga kegelisahan. Secara spesifik daun pandan membersihkan kotoran seperti kuman dan bakteria pada kulit serta membersihkan bahan sihir dari badan seperti darah hitam, kuku dan rambut.



RAJAH 2. Daun Pandan

Sumber: desasegar.com.my

DAUN SIRIH

Sirih merupakan salah satu jenis tumbuhan yang tidak asing digunakan dalam masyarakat Melayu terutama digunakan untuk mendapat manfaat bagi pengubatan. Daun sirih merupakan famili *Peperaceae*, tumbuh menjalar dengan tinggi mencapai 5-15 m. Bahagian dari sirih (*Pipper batle L.*) seperti akar, biji, dan daun berpotensi untuk pengubatan, tetapi yang sering dimanfaatkan adalah bahagian daunnya (Putri ZF 2010).

Menurut pengamal perubatan Melayu 3 beliau menggunakan daun sirih untuk merawat pesakit yang mengalami masalah mulut berbau. Ia juga digunakan sebagai agen pembersih untuk merawat penyakit kulit dan digunakan untuk membersihkan rohani pesakit.



RAJAH 3. Daun Sirih

Sumber: merdeka.com

DAUN DURIAN BELANDA

Nama botani bagi Durian Belanda ialah *Annona muricata* Linn. dan ia tergolong dalam keluarga Annonaceae. Antara nama sinonim Durian Belanda ialah *Annona bonplandiana* Kunth., *Annona cearensis* Barb.Rodr., *Annona crassiflora* Mart., dan *Guanabanus muricatus* (L.) M.Gomez. Bagi nama tempatan pula ialah Durian Belanda (Malaysia), Durian Batawi (Indo), sirsak (Indo), Nangka Walanda (Indo), dan Soursop(Ing). Khasiat ubatan Durian Belanda digunakan untuk merawat kanser, demam, bengkak hati, cirit-birit, demam kuning, buasir, asma, kecacingan, tonsil, bisul, pitam, sakit pundi kencing, sakit ketika buang air kecil, darah tinggi, gelisah, batu karang, batuk, muntah-muntah, selsema, kesejukan dan sakit badan (*Ensiklopedia Tumbuhan Ubatan Malaysia, Cetakan 2013*).

Menurut pengamal perubatan Melayu 1 beliau menggunakan daun Durian Belanda dalam rawatannya untuk merawat pesakit yang mengalami sakit kulit kerana daun durian belanda dapat berfungsi membersihkan kotoran atau membunuh kuman yang ada pada kulit pesakit. Secara spesifik daun Durian Belanda membersihkan dari kotoran seperti bakteria, parasit dan kuman pada kulit.




RAJAH 4. Daun Durian Belanda

Sumber: animhosnan.blogspot.com

DAUN GELENGGANG (SELAMAGI@SENNA)

Daun gelenggang atau dikenali sebagai *Cassia angustifolia* Vahl. berasal dari Amerika Selatan dan tersebar di kawasan tropika (Igwe dan Onwo, 2015). Nama tempatan bagi *Cassia angustifolia* Vahl. ialah Selamagi (M), Senna (M, Ing, A), Jati Cina (Indo), Indian Senna (Ing), Cassia Senna (Ing) dan Tinnervelly Senna (Ing). Daun Senna digunakan untuk merawat sakit gigi, kayap, cacar, gastrik, gatal kerongkong, cacar air, sesak nafas, buang air besar tidak lawas, sawan, sakit ketika kencing, demam panas, peluh tidak lawas, kudis bernanah dan kegemukan. (*Ensiklopedia Tumbuhan Ubatan Malaysia, Cetakan 2013*).

Menurut pengamal perubatan Melayu 1 beliau menggunakan daun gelenggang untuk membersihkan kotoran di dalam perut pesakit yang terkena sihir melalui bahan makanan. Secara spesifik daun gelanggang membersihkan dari kotoran bahan sihir seperti darah hitam, rambut dan kuku.



RAJAH 5. Daun Gelenggang

Sumber: myhealth.gov.my


DAUN NANGKA

Nangka dikenali dengan nama botaninya sebagai *Artocarpus heterophyllus* Lamk. dan ianya termasuk dalam keluarga Moraceae. Nama tempatan bagi Nangka ialah Nangka (M, Indon, Ber, S), Tajaka(M), Nongko (Indo), Jackfruit (Ing), Jack Tree (Ing), Pilapalam (I), Banun (T), dan Langka (F). Khasiat ubatan bagi Nangka ialah merawat asma, ciri-birit, demam, penyakit kulit, bengkak kelenjar, dipatuk ular, ulser, sawan, hempedu bermasalah, tulang lemah, kanser, lemak alat kelamin, sukar buang air besar, sesak nafas, dan air susu tidak lancar. (*Ensiklopedia Tumbuhan Ubatan Malaysia, Cetakan 2013*).

Dari segi perubatan tradisional, dipercayai pokok nangka mempunyai nilai yang tinggi.

Misalnya di Malaysia, abu dari daun pokok nangka apabila dicampurkan dengan minyak kelapa dapat menyembuhkan luka dan ulser.

Menurut pengamal perubatan Melayu 3 beliau menggunakan daun nangka untuk membersihkan kotoran dari badan pesakit yang terkena santau. Daun nangka juga digunakan sebagai agen pembersih untuk merawat pesakit yang mengalami luka akibat dari penyakit diabetis. Secara spesifik daun nangka membersihkan dari kotoran seperti darah hitam, kukut, rambut, tulang dan jarum berkarat dari pesakit terkena santau. Ia juga digunakan untuk membersihkan kotoran kuman dan bakteria dari kulit pesakit.



RAJAH 6. Daun Nangka

Sumber: azurarahman.com

SERAI

Serai atau serai makan memiliki nama botaninya sebagai *Andropogon citratus* DC yang tergolong dalam keluarga Poaceae (Graminae). Serai digunakan sebagai khasiat ubatan dalam merawat demam, muntah-muntah, sakit gigi, terseliuh, reumatik, busung air, sakit ketika kencing, peluh tidak lawas, radang perut, radang usus, haid tidak lawas, sakit gigi, badan berbau busuk, dan mulut berbau. (*Ensiklopedia Tumbuhan Ubatan Malaysia, Cetakan 2013*).

Tanaman herba beraroma ini dikenal pasti berasal dari Sri Lanka dan telah tersebar luas ke kawasan tropika, termasuk Malaysia. Aroma yang dihasilkan daripada tanaman ini selalunya digunakan sebagai bahan perasa dalam makanan. Rasanya yang istimewa dan unik dapat menambah keenakan masakan dan menaikkan selera. Bagi sesetengah negara pula, serai makan diusahakan khas untuk pengeluaran minyak pati (ekstrak) yang boleh dijadikan sebagai salah satu bahan tambahan bagi penghasilan produk siap seperti sabun, bahan pencuci, syampu dan lain-lain.

Menurut pengamal perubatan Melayu 5 beliau menggunakan serai digunakan untuk membersihkan kotoran orang wanita semasa berpantang dan juga berfungsi membersihkan rohani mereka. Secara spesifik serai membersihkan dari kotoran seperti daki dan darah bagi wanita berpantang dan membersihkan kotoran rohani seperti tekanan perasaan dan kegelisahan.



RAJAH 7. Serai

Sumber: aisyahmart.com.my


LIMAU PURUT, LIMAU NIPIS DAN LIMAU KASTURI

Limau purut (*Citrus hystrix*), limau kasturi (*Citrus madurensis*) dan limau nipis (*Citrus aurantiifolia*) merupakan jenis tanaman yang dikenali berasal dari Asia dan telah ditanam di negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand. Ianya digunakan dan berkesan dalam rawatan tumor atau pencegah kanser, limau purut juga digunakan untuk mencuci rambut sama ada hanya menggunakannya atau dicampur dengan bahan yang lain. Penghasilan minyak patinya banyak digunakan sebagai aromaterapi, nutrasetikal dan produk penjagaan diri. Limau purut juga berupaya merawat luka, lebam dan gigitan serangga berbisa serta merangsang peredaran darah. Selain itu, buah limau purut turut digunakan sebagai agen pembersih. Limau nipis dan limau kasturi digunakan untuk merawat pelbagai penyakit kulit dan juga keracunan. (*Ensiklopedia Tumbuhan Ubatan Malaysia, Cetakan 2013*).

Menurut pengamal perubatan Melayu 1, 2, 3 dan 5 mereka menggunakan limau purut dan limau nipis untuk membersihkan dan membuang kotoran dalam badan pesakit akibat dari sihir atau santau. Menurut pengamal perubatan Melayu 2 lagi beliau menggunakan limau purut untuk membersihkan kekotoran pada pesakit yang mengalami masalah kulit di kepala seperti kudis. Pengamal perubatan

Melayu 4 dan 5 juga turut menggunakan limau purut dan limau nipis untuk membersihkan rohani pesakit.

Secara spesifik limau membersihkan kotoran seperti darah kotor, rambut, kuku, kaca, tulang dan miang buluh akibat dari sihir dan juga membersihkan kotoran rohani seperti kegelisahan, perasaan marah dan sedih.



RAJAH 8. Limau kasturi, Limau Nipis, Limau Purut

Sumber: rasa.my

KUNYIT

Kunyit dikenali dalam nama botaninya sebagai *Curcuma longa* Linn dan juga nama tempatannya ialah kunyit (M,Indo), Tumeric (Ing), dan Jiang Huang (C). Kunyit merupakan salah satu tanaman yang menjadi pilihan ramai rakyat Malaysia untuk menanamnya kerana kunyit boleh digunakan untuk pelbagai tujuan dan mempunyai banyak manfaatnya dalam kehidupan sehari-hari. Khasiat kunyit digunakan untuk merawat rawatan selepas bersalin, radang ginjal, sembelit, sakit gusi, darah tinggi, haid bermasalah, keputihan, kelemumur, beguk, cacar air, demam kuning, disentri, anemia, gatal kulit, buasir, terlalu kurus, cirit-birit, tidak selera makan, sakit perut, pengaliran darah bermasalah, kencing berdarah, luka, asma, sesak nafas, radang rahim dan hepatitis. (*Ensiklopedia Tumbuhan Ubatan Malaysia, Cetakan 2013*). Seluruh bahagian pokok digunakan untuk merawat luka, keracunan, panas badan, rasa sakit, kentut dan kecing tidak lancar, badan tidak kuat, perut lemah dan tiada selera makan. (*Indahnya Pemakanan & Perubatan Islam, Cetakan 2018*)

Menurut pengamal perubatan 3 beliau menggunakan kunyit dalam rawatannya untuk membersihkan kotoran bagi pesakit yang mengalami masalah bisul, gatal, kayap, penyakit kulit, jangkitan kulat dan ulser mulut. Beliau juga menggunakan kunyit sebagai agen pembersih bagi wanita selepas bersalin. Secara spesifik kunyit

membersihkan dari kotoran seperti kuman, kulat dan bakteria dan membersihkan kotoran daki dan darah kotor pada wanita selepas bersalin.



RAJAH 9. Kunyit

Sumber: hellosehat.com

LADA HITAM

Lada hitam dengan nama saintifiknya *Piper nigrum* telah digunakan sebagai penawar dalam amalan perubatan homeopati sejak awal abad ke sembilan belas. Walau bagaimanapun, ia bukanlah penawar utama dalam senarai penawar-penawar homeopati. Salah satu khasiat yang disebutkan di dalam Utusan Malaysia (9 April 2002) terdahulu ialah kemampuannya mengubati pening kepala. Kenyataan yang umum itu memang biasa dengan tabiat merawat yang mengidentifikasikan ubat dengan jenis sakit atau penyakit (Siti Fatimah Abd Aziz & Yusmilayati Yunos, 2019).

Menurut pengamal perubatan Melayu 2 beliau menggunakan lada hitam untuk membersihkan dan membuang kotoran pada pesakit yang mengalami masalah kulit di kepala seperti kudis di kepala. Beliau juga menggunakannya untuk membersihkan rohani pesakit. Secara spesifik lada hitam membersihkan dari kotoran seperti kudis dan kencing kotor.



RAJAH 10: Lada Hitam

Sumber: hellodoktor.com

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Perubatan Melayu bukan sahaja menjadi pilihan oleh masyarakat Melayu malah turut dimanfaatkan ilmu dan amalannya oleh perubatan moden serta masyarakat bukan Melayu turut mendapatkan khidmat rawatan dari pengamal perubatan Melayu. Modaliti perubatan Melayu seperti bekam, urut, terapi, pengambilan herba dan penjagaan ibu selepas bersalin juga diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan menjadi pilihan ramai pesakit untuk menggunakan khidmat rawatan perubatan tradisional Melayu.

Konsep penggunaan herba dan bahan alam semula jadi dalam bidang perubatan tradisional Melayu menjelaskan bahawa tumbuh-tumbuhan dan pelbagai bahan alam semula jadi di sekitar kita dapat digunakan sebagai ubat dan bahan rawatan atau ramuan bagi menawar atau mengubati pelbagai jenis penyakit sama ada pada jasmani dan rohani pesakit. Setiap herba dan bahan-bahan alam semula jadi ini mempunyai khasiat dan fungsinya yang tertentu dalam perspektif ini.

Secara keseluruhan, dari hasil temu bual kajian ini yang dijalankan ke atas 5 pengamal perubatan tradisional Melayu, diperoleh 12 bahan alam semula jadi buah-buahan dan daun-daunan yang biasa digunakan sebagai bahan pencuci alamiah dalam amalan perubatan mereka. 12 bahan tersebut ialah daun bidara, daun sirih, daun gelenggang, daun durian belanda, daun nangka, daun pandan, serai, limau purut, limau nipis, kunyit, dan lada hitam. Hasil temu bual juga menjelaskan bahawa 12 bahan pencuci alamiah ini berfungsi membuang pelbagai kotoran dan bendasing dari tubuh pesakit. Jenis-jenis kotoran dan bendasing yang perlu dibersihkan dari tubuh pesakit adalah seperti kotoran-kotoran fizikal yang mengandungi kuman dan bakteria atau bendasing-bendasing yang dimasukkan ke dalam badan pesakit melalui sihir seperti darah kotor, kaca, rambut dan kuku.

Berdasarkan hasil temu bual di atas juga, diperoleh bahawa bahan-bahan dari alam semula jadi ini tidak digunakan oleh para pengamal perubatan tradisional Melayu sebagai bahan ritual dalam amalan pengobatan mereka. Bahkan tanggapan bahawa bahan-bahan tersebut memiliki kuasa magis atau semangat atau menjadi perantara yang mampu menghalau roh jahat atau menghalang gangguan jin tidak ditemui daripada penjelasan mereka mengenai fungsinya. Tidak ada seorang pun pengamal perubatan Melayu yang ditemubual menyatakan buah-buahan dan daun-daunan yang

mereka gunakan mempunyai kuasa magis untuk menghalau atau menakutkan jin yang mengganggu dalam tubuh badan manusia.

Oleh yang demikian tanggapan sesetengah masyarakat Melayu bahawa bahan-bahan yang digunakan tersebut adalah bahan ritual atau ada kaitan dengan alam mistik sebagai medium perantara dan seumpamanya adalah mungkin daripada saki baki pengaruh animisme yang wujud dalam kepercayaan sesetengah masyarakat awam sahaja bukan sebagai maksud sebenar dari fungsinya.

Hakikatnya penggunaan bahan-bahan alam semula jadi adalah salah satu kaedah yang ada dalam konsep perubatan tradisional Melayu dan ia dibenarkan dalam syarak dengan kepercayaan bahawa setiap sesuatu ciptaan Allah di bumi-Nya mempunyai fungsi dan khasiat yang boleh diteroka dan diketahui oleh manusia melalui pelbagai cara penemuan dan percubaan sehingga ke tahap yang meyakinkan.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dijalankan di bawah FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/7 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Terima kasih diucapkan kepada para informan kajian ini yang terdiri daripada para pengamal perubatan tradisional Melayu yang berpengalaman iaitu Shamsuri bin Shafie, Tajul Arifin bin Mohamad Kamim, Azlan bin Azman, Noor Azwani Binti Ahmad dan Che Hasnah Bte Che Adam.

RUJUKAN

- Abdullah, Y., 2015. Amalan Perubatan Dan Penjagaan Kesihatan Dalam Masyarakat: Ke Arah Integrasi Antara Perubatan Islam Dan Perubatan Moden. Seminar Kebangsaan Tamadun & Warisan Islam. Akdemi Pengajian Islam : Universiti Malaya.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed & Abd. Aziz Haji. Bidin. 2011. Wanita Melayu dan tumbuhan ubatan: Satu analisis budaya. *Jurnal Melayu* 7: 121-146.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed, Abd Aziz Haji Bidin. 2012. Tumbuhan dalam upacara perbomohan: Kes Main Teri di Kelantan. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(4):56-63.
- A.Samad Ahmad, sunt. 1998. *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ellya, R. 2014. Ramuan herbal non instan dalam naskah *kitab tib* sebagai alternatif pengobatan *Sosial Budaya: Media Komunikasi IlmuIlmu Sosial d Budaya* 11(1): 1-18.

- Faisal @ Ahmad Faisal , A. H., & Helwana , M., 2007. Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani: Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani. *Jurnal al-Tamaddun* 3 : 110-127.
- Fatimah, A. A. S., & Yusmaliza, Y. (2019). Khasiat Herba dalam Kitab Tib Melayu Herbal Remedies in the Malay Tib. *Akademika*, 89, 151–162
- Fatimah, A. A. S., & Yusmaliza, Y. (2019). Khasiat Herba dalam Kitab Tib Melayu Herbal Remedies in the Malay Tib. *Akademika*, 89, 151–162
- Fatimah, A. A. S., & Yusmaliza, Y. (2019). Khasiat Herba dalam Kitab Tib Melayu Herbal Remedies in the Malay Tib. *Akademika*, 89, 151–162.
- Fatimah, A. A. S., & Yusmaliza, Y., 2019. Khasiat Herba dalam Kitab Tib Melayu Herbal Remedies in the Malay Tib. *Akademika* 89 :151–162.
- Faisal @ Ahmad Faisal , A. H., & Helwana , M. (2007). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani: Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani. *Jurnal al-Tamaddun*. 3, 110-127.
- Faisal @ Ahmad Faisal , A. H., & Helwana , M. (2007). Manuskrip Perubatan Melayu-Islam di Fatani: Ulasan Terhadap Manuskrip Kitab Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan Karya Syeikh Ahmad al-Fatani. *Jurnal al-Tamaddun*. 3, 110-127.
- Harun Mat Piah. 2015. Ilmu perubatan Melayu tradisional dari naskhah-naskhah lama. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 3(3) : 3-17.
- Haliza Mohd Riji. 2005. *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jacqlyn Patricia Anak Jelani & Salmah Binti Noor Muhammad, 2021. Keistimewaan dan kearifan tempatan masyarakat Melayu menggunakan buah-buahan dalam ilmu perubatan. *Jurnal Melayu* 20(1) : 93-108.
- Jabatan Pertanian Semanjung Malaysia, 1999. Pakej Teknologi Durian Belanda. <http://pertanianmkg.perak.gov.my/bahasa/panduan.durian%20belanda.htm>
- Mohd.Koharuddin b. Mohd. Balwi. 2003. Sains perubatan naturalistik Melayu: Satu kajian awal. *Jurnal Kemanusiaan* 1(2) : 34-41.
- Muhd Norizam Jamian, Izzah Safiah Raihana Mohd Ghazali. 2021. Penggunaan tawas dalam perubatan Melayu tradisional. *Malaysia Journal of Society dan Space* 17(2): 327-339.
- Nassir, N., & Kok On, L. 2016. Penggunaan tumbuh-tumbuhan dalam pengubatan tradisional etnik Murut Tahlol di Sabah: Penelitian terhadap unsur kearifan tempatan. *Jurnal Gendang Alam (GA)* 5: 88-106.
- Nornizam , N., 2018. *Falsafah Dan Prinsip Asas Perubatan Melayu*. Pulau Pinang: Baytul Hikma.
- Putri ZF. 2010. *Uji aktivitas antibakteri ekstrak etanol daun sirih (Piper betle L.) terhadap Propionibacterium acne dan Staphylococcus aureus multiresisten [skripsi]*. Surakarta: Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Siti Fuziah Yusof. 2013. *Ensiklopedia Tumbuhan Ubatan Malaysia*. Penerbit Ar-Risalah Product Sdn.Bhd.
- Siti Fatimah Abd Aziz & Yusmilayati Yunos. 2019. Khasiat Herba dalam Kitab Tib Melayu. *Akademika 89 (Isu Khas)* : 151-162.
- Syahida Maarof. 2019. Kapasiti antioksidan dalam buah tempatan terpilih. *Buletin Teknologi MARDI* 15: 89-96.
- Wan Husni Wan Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, Aminudin Hehsan, Zulkiflee Haron, Arief Sallah Rosman, Mohd Nasir Ripin. 2019. Terapi mandi bunga dalam perubatan Melayu untuk penjagaan kesihatan mental. *International Journal of Islamic and Civilization Studies* 6(2-2): 123-135.
- Wan Nasyrudin Abdullah, Faszly Rahim, & Aminah Abdullah. 2018. *Indahnya Pemakanan dan Perubatan Islam*: Penerbit Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Yusmilayati Yunos, Mohd Yuzaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanfiah, Mohd Norizam Jamian, 2016, Kepandaian Orang Melayu dalam mentafsir ruang perubatan tradisional, Malaysia. *Journal of Society and Space* 12(11): 79-91.
- Mohd Zul Amirul Izwan Mat Derasesh
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: p110538@siswa.ukm.edu.my
- Muammar Ghaddafi Hanafiah (corresponding author)
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: muammar@ukm.edu.my
- Mohd Yuzaidy Mohd Yusoff
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: yuzaidy@ukm.edu.my
- Wan Nasyrudin bin Wan Abdullah
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: tokwed@ukm.edu.my
- Mohamed Qusairy bin Taha
Institut Pengajian Tinggi al-Zuhri, Singapura
Email: qusairy@mks.org.sg